

# Warta lokasi sungai tuntung bertelur

UM 3/4/2022 MS: 35

**KEMAMAN:** Kerajaan negeri disaran mewartakan beberapa lokasi di Sungai Kemaman di sini yang menjadi pendaratan tuntung sungai untuk bertelur bagi memelihara spesies tersebut yang diancam kepupusan.

Pengasas bersama Persatuan Pemuliharaan Tuntung, Kura-kura dan Labilabi Malaysia, Dr. Chen Pelf Nyok berkata, ia penting bagi mengelak kawasan pendaratan diceroboh hingga merosakkan sarang tuntung.

“Di sepanjang Sungai Kemaman, terdapat 10 tebing sungai menjadi tempat tuntung naik bertelur dan ia semakin terjejas berikutan aktiviti yang mengganggu habitat semula jadi seperti sedut pasir dan penggunaan alat menjala ikan yang menyebabkan tuntung tersangkut di dasar.

“Jika lokasi ini tidak diwartakan, kita bimbang tuntung akan

terus pupus meskipun kita melakukan usaha konservasi selama 11 tahun, bermula 2011,” katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Pelf Nyok berkata, aktiviti pengutipan telur secara haram turut menjejaskan populasi tuntung.

“Meskipun tuntung diletakkan di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar sejak 2010, masih ada individu yang tidak bertanggungjawab mengambil telur secara haram untuk dimakan dan ini sangat menyedihkan.

“Kita telah melakukan pelbagai program kesedaran kepada penduduk setempat termasuk kanak-kanak sekolah. Kita harap telur tuntung tidak lagi diambil sewenang-wenangnya dan pihak berkuasa perlu memperketat undang-undang bagi menyelesaikan isu ini,” jelasnya.